

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN PERSATUAN
PELADANG DI PANGKAL GONG, PULAU CON-
DONG, MACANG, KELANTAN PADA 25HB
FEBRUARI, 1975

Y.A.B. Datuk Haji Mohamad Nasir, Menteri Besar Kelantan,
Y.B. Datuk Abdullah Ahmad¹, Saudara-saudara sekalian.

Saya rasa syukur kerana dapat pada petang ini berada di sini bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian bagi merasmikan pembukaan Bangunan Persatuan Peladang Pangkal Gong ini.

Seperti yang kita sedia maklum, semenjak ianya ditubuhkan, Persatuan Peladang telah dapat memainkan peranan yang positif bagi menjayakan segala cita-cita yang termaktub dalam perlembagaan Persatuan ini. Saya suka mengucapkan syabas dan tahniah atas segala kejayaan yang telah dicapai. Saya percaya kemajuan setakat yang telah dicapai itu belum lagi cukup kerana tugas di hadapan kita masih lagi banyak dan berkehendakkan tumpuan tenaga dan perhatian yang sepenuhnya.

Lembaga Persatuan Peladang semenjak ditubuhkan, saya dapati telah memainkan peranan di mana cara hidup dan kerja yang dilakukan oleh peladang-peladang telah dapat dibaiki. Ianya juga telah dapat memberi perlindungan yang sewajarnya kepada peladang. Tetapi, walaupun demikian, masalah-masalah yang didapati masih lagi belum dapat diatasi kerana separuh dari masalah-masalah ini merupakan masalah-masalah yang telah begitu lama berakar umbi kerana keadaan yang terbiar dari semenjak zaman berzaman. Oleh sebab itu, sebelumnya Kerajaan menubuhkan Lembaga ini, peladang-peladang kita hidup dalam keadaan "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang".

Adalah ditaksirkan iaitu kaum tani kita, kesemuanya berjumlah lebih kurang 800,000 orang dan mereka ini terdiri dari pekebun-pekebun kecil, penanam-penanam padi, pekebun-pekebun kelapa

1 Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

dan sebilangan besar dari mereka mempusakai tanah-tanah milik yang kecil serta berasingan yang mengakibatkan keadaan yang tidak ekonomik.

Selain dari itu, kita tahu iaitu banyak juga dari mereka mengusahakan tanah-tanah yang bukan hak milik mereka tetapi yang disewa. Juga didapati bahawa keadaan tanaman-tanaman di kawasan tersebut terdiri dari pokok-pokok yang telah tua dan cara tanaman yang tidak tersusun. Maka sudah sewajarnya keadaan yang begitu dirombak dan disusun semula supaya dapat petani-petani kita hidup dengan lebih sempurna lagi.

Syukur Alhamdulillah, iaitu semenjak Kerajaan menubuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang, ia telah dapat menyatukan petani-petani yang terdapat di merata-rata tempat di tanah air kita ke dalam koperasi-koperasi peladang dan dengan demikian segala perkhidmatan dan bantuan yang diperlukan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh peladang-peladang telah dapat disalurkan dengan sempurna dan teratur.

Saya telah diberitahu iaitu bilangan koperasi-koperasi peladang telah meningkat daripada seratus dua buah pada tahun 1973 iaitu semasa Lembaga Pertubuhan Peladang mengambil alih semua pertubuhan-pertubuhan peladang, kepada seratus lima puluh sembilan buah pada masa ini. Dan lebih kurang 30% daripada kaum tani kita sekarang ini menganggotai gerakan Koperasi Peladang di bawah pimpinan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Juga bagi memastikan adanya penyelarasan di antara badan-badan yang tertentu dalam kerja-kerja membaiki keadaan hidup peladang-peladang kita, haruslah ada kerjasama di antara badan-badan tersebut. Ini hanya dapat dilakukan bilamana adanya satu badan gabungan seperti Lembaga ini. Melalui Lembaga ini, saya dapati iaitu persatuan-persatuan peladang telah dapat digabungkan dengan syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian ke dalam satu Koperasi Peladang Kawasan.

Saudara-saudara sekalian,

Dasar percantuman ini adalah mustahak untuk memastikan kejayaan rancangan-rancangan pembantuan pertanian dan perniagaan tani supaya badan-badan ini tidak lagi menjalankan kegiatan-kegiatan yang berlapis dan berlawanan. Dasar ini juga

akan membolehkan agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Pertanian, MARDI, FAMA, LPN, Jabatan Haiwan dan sebagainya menyalurkan bantuan mereka kepada para peladang dalam satu-satu kawasan itu menerusi saluran yang tunggal sahaja iaitu Koperasi Peladang.

Saya percaya iaitu sebanyak tujuh puluh tujuh buah Koperasi Peladang sekarang ini sedang berjalan dengan licin dan teratur. Dan sudah tentu proses percantuman ini masih lagi diteruskan. Bagi mempercepatkan proses tersebut, seorang pakar dari FAO telah ditugaskan bagi membantu kerja-kerja menyusun semula jentera-jentera yang sangat mustahak ini.

Berhubung dengan pusat-pusat kemajuan peladang pula, ianya hendaklah dianggap sebagai pusat penggerak pembangunan bagi para peladang kita. Sebagaimana yang telah dibuktikan di kawasan MADA, pusat-pusat kemajuan peladang seperti ini telah dapat memberi perkhidmatan dan bantuan yang sempurna kepada peladang-peladang disitu. Pusat ini hendaklah dijadikan pusat tumpuan bagi para peladang kita untuk mendapat nasihat, panduan, bahan-bahan keperluan ladang seperti benih, racun serangga, baja dan juga mendapatkan perkhidmatan kejenteraan dan pengangkutan.

Pusat-pusat kemajuan peladang ini adalah jentera dan alat Kerajaan untuk menjamin kejayaan kerja-kerja bagi meninggikan taraf hidup peladang-peladang kita. Pihak Bank Dunia dan FAO telah memberi pujian kepada Kerajaan kita kerana mempraktikkan strategi ini dan mereka sentiasa mengikuti dengan teliti perjalanannya, terutama sekali di Rancangan Johor Barat di mana sepuluh buah pusat kemajuan peladang akan dibina.

Strategi yang sama akan digunakan juga untuk pembangunan kaum peladang dalam rancangan Dataran Kelantan Utara dan Lembah Pergau. Bagi memperseimbangkan faedah dan nikmat yang diperolehi daripada strategi tersebut, adalah perlu bagi semua agensi Kerajaan menggunakan pusat-pusat ini di semua kawasan bagi mereka menyampaikan bantuan atau perkhidmatan kepada para peladang. Pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian hendaklah menjalankan kerja-kerja perkembangan, menjalankan kegiatan percubaan pertanian dan menyampaikan bahan-bahan keperluan ladang dan menyediakan perkhidmatan kejenteraan ladang menerusi pusat-pusat kemajuan peladang ini.

Pihak MARDI hendaklah membuat percubaan-percubaan tanaman mereka di atas tanah milik ahli-ahli koperasi peladang menerusi pusat-pusat ini dan FAMA hendaklah menggunakan pusat-pusat ini sebagai pusat-pusat kutipan dan pemasaran hasil pertanian dan sebagai "information centre" untuk memaklumkan kepada para petani akan jadual harga yang terbaharu bagi hasil-hasil pertanian.

Bank Pertanian pula boleh melantik pusat-pusat ini sebagai pusat-pusat kredit tempatan. Jabatan Haiwan boleh menjalankan pemeliharaan ternakan secara collective menerusi pusat ini. LPN pula boleh melantik koperasi peladang sebagai ejen-ejen pembeli padi. MRDC dan RISDA boleh melantik beberapa banyak koperasi peladang sebagai ejen-ejen mereka membeli getah.

MARA patut menimbangkan pengeluaran lesen pengangkutan kepada koperasi peladang dan dari segi pengedaran barang-barang runcit, PERNAS boleh melantik pusat-pusat ini. Kementerian Pelajaran pula boleh bergantung kepada pusat-pusat ini untuk jualan buku-buku teks.

Pendek kata, semua agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dengan kemajuan peladang hendaklah menjalankan kegiatan-kegiatan mereka menerusi pusat-pusat kemajuan peladang ini dan bertindak sebagai satu pasukan. "Integrated approach" seperti ini penting dijayakan memandangkan bahawa di bawah Gerakan Bumijaya, LPP adalah terlibat dalam semua aspek kemajuan pertanian, meliputi pengeluaran pertanian, pemasaran, processing dan ternakan. Pada masa ini, seratus satu buah pusat kemajuan peladang telah sedia dibina; empat puluh buah lagi adalah dalam pembinaan dan lima puluh buah lagi akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam gerakan menambahkan hasil-hasil pertanian, telah saya sebutkan beberapa masalah yang kita hadapi. Masalah-masalah ini boleh diatasi dengan adanya kerjasama dan azam bagi menjayakan diri sendiri. Seperti yang seringkali saya sebutkan iaitu jaya atau tidaknya sesuatu negara itu adalah terpulang kepada rakyatnya. Kejayaan rakyat adalah kejayaan negara dan walau apa kemudahan sekalipun yang diberi, jika sekiranya tidak ada

keazaman dan kemahuan untuk maju, maka segala-galanya tidak akan menghasilkan cita-cita yang kita idamkan.

Lembaga Pertubuhan Peladang, saya percaya, telah menyusun rancangan-rancangan untuk menolong dan memajukan peladang-peladang. Saya diberitahu iaitu tiga strategi telah diatur iaitu:—

1. pengusahaan sepenuhnya tanah milik ahli-ahli koperasi peladang menerusi penubuhan "ladang-ladang contoh koperasi",
2. pengusahaan tanah-tanah yang diberi milik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kepada koperasi peladang secara berkelompok,
3. pengembilangan tenaga para peladang dan pegawai-pegawai LPP menerusi pertandingan-pertandingan perlombongan di antara semua koperasi-koperasi peladang di seluruh negara.

Saya rasa bangga bahawa LPP dapat mencipta strategi tiga serangkai yang sedang dijalankan itu.

Di masa penjajahan dahulu, ladang-ladang contoh adalah ditubuhkan di Stesyen Jabatan-jabatan Pertanian. Saya telah mengarahkan supaya LPP menetapkan dasarnya dengan menubuhkan seberapa banyak yang boleh "ladang-ladang contoh koperasi" dalam kawasan-kawasan kemajuan peladang.

Projek ini akan dilancarkan pada tahun ini dengan kerjasama ahli-ahli koperasi peladang sendiri. Ahli-ahli koperasi peladang akan diminta supaya membenarkan tanah-tanah mereka disatukan supaya satu kawasan berkelompok yang mana luasnya tidak kurang daripada lima ekar, akan dapat diusahakan oleh koperasi peladang dengan jenis tanaman yang sesuai yang terjamin pasarannya.

Ladang-ladang contoh koperasi ini boleh memberi tauladan dan perangsang kepada peladang-peladang yang lain untuk berbuat demikian. Sekiranya projek ini dijalankan secara besar-besaran, dan dengan bilangan yang banyak, pada sesuatu kawasan itu, hasil pertanian yang dikeluarkan itu boleh diperdagangkan; jaminan pembekalan penghasilan yang secukupnya boleh dijalin dengan punca-punca pemasaran; kilang-kilang memproses secara sederhana boleh didirikan; cara-cara pembaharuan dari segi

pengeluaran pertanian boleh dipraktikkan di atas ladang-ladang contoh ini, seperti penggunaan benih-benih baru dan jentera-jentera yang moden. Pengurusan ladang yang sempurna dapat diperhatikan untuk diikuti oleh tuan-tuan tanah yang lain.

Matalamat jangka panjang rancangan ini ialah menuju ke arah "land reform" iaitu dengan penambahan keluasan ladang-ladang contoh itu, tanah-tanah milik yang tidak ekonomik akan dapat disatukan (consolidate) secara beransur-ansur dan lama kelamaan, corak dan wajah kampung-kampung serta dusun-dusun kita akan bertukar kepada kampung-kampung dan dusun-dusun yang moden dan progresif.

Hasilnya yang penting sekali adalah wujud jenerasi peladang yang akan menghargakan nilai-nilai koperasi dan semangat bergotong-royong.

Saya berharap bahawa di kawasan-kawasan yang masih lagi mempunyai tanah-tanah Kerajaan yang luas, ataupun di kampung-kampung di mana didapati tanah-tanah tersepit yang sesuai untuk diusahakan, Kerajaan-kerajaan Negeri akan bersedia mengurniakan tanah-tanah itu kepada koperasi-koperasi peladang yang dijayakan secara berkelompok.

Koperasi Peladang boleh dilantik sebagai "landlord-intrust" untuk menjayakan tanah-tanah itu bagi ditanam dengan jenis-jenis tanaman yang ekonomik. Keuntungannya boleh dibahagi-bahagikan kepada ahli-ahli koperasi peladang mengikut sistem koperasi. Langkah ini boleh mengatasi masalah-masalah pemasaran oleh kerana hasil pertanian itu akan dikendalikan sendiri oleh koperasi peladang dan bukan macam masa-masa yang lampau, iaitu oleh ahli-ahli koperasi secara persendirian.

Saya telah juga memberi persetujuan bagi rancangan LPP hendak mengadakan pertandingan di antara koperasi-koperasi peladang. LPP akan menggerakkan kesemua dua ribu yunit-yunit pertanian kecil untuk bergotong-royong supaya tiap-tiap yunit pertanian kecil itu hendaklah mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah ladang contoh. Seorang "master farmer" akan dipilih bagi tiap-tiap kawasan kemajuan peladang dan kejayaannya akan dinilai dari segi hasil pertanian yang dikeluarkannya, semangat gotong-royongnya, jumlah kredit pertanian yang diperolehinya

dan kemajuan pembayaran balik kredit itu, sifat-sifat kepimpinannya dan juga kesetiiaannya kepada koperasi peladang.

Koperasi peladang yang terbaik akan juga dipilih dan asas-asas penilaiannya adalah meliputi usaha-usaha koperasi itu dari segi pengeluaran pertanian, penyediaan kredit, jumlah pembekalan bahan-bahan keperluan ladang, pemasaran dan juga dari segi kecergasan koperasi itu menambahkan ahli, mengumpulkan modal dan memberikan perkhidmatan yang difikirkan boleh menyumbang ke arah pembangunan kaum peladang di kawasan itu pada keseluruhannya.

Saya difahamkan pertandingan ini sedang dijalankan sekarang dan akan berakhir pada 6 haribulan Ogos iaitu Hari Peladang. Hadaiah-hadaiah kepada pemenang-pemenang dalam pertandingan ini adalah berupa alat-alat penggerak kemajuan peladang seperti baja, bekalan-bekalan benih, jentera-jentera ladang dan sebagainya.

Saya sukacita memaklumkan bahawa saya dengan besar hati menerima jemputan daripada LPP untuk menyertai majlis Hari Peladang pada 6 haribulan Ogos ini di Kuala Lumpur dan juga menjalankan apa-apa upacara yang ditentukan.

Akhir kata, saya berharap Persatuan Peladang Pangkal Dong ini akan terus berusaha memberi kehidupan yang lebih baik kepada ahli-ahlinya dan di samping itu memimpin ahli-ahlinya supaya menjadi peladang-peladang yang dinamis, moden dan progresif sesuai dengan peredaran zaman.

Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Bangunan ini dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala sentiasa memberkati segala usaha kita untuk kemajuan bangsa dan negara.